Kempen CPSM lindungi kanak-kanak

- **Himpun tokoh berpengaruh**
- **Galak penyertaan sektor swasta, awam dan komuniti**



TENGKU ASRA JEHAN (dua dari kiri) pada majlis pelancaran kempen Safe Child, Strong Nation di Kuala Lumpur kelmarin.

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Perlindungan Kanak-Kanak Malaysia (CPSM) telah melancarkan 'Safe Child, Strong Nation', sebuah kempen kesedaran peringkat kebangsaan yang menghimpunkan tokoh-tokoh berpengaruh Malaysia, rakan strategik dan pemimpin masyarakat untuk memperjuangkan perlindungan kanak-kanak.

Ini kerana timbulnya kebimbangan yang semakin ketara dalam kalangan masyarakat terhadap penderaan kanak-kanak, eksploitasi seksual, buli, kecederaan emosi yang terus memberi kesan kepada kanak-kanak.

Pengerusi CPSM Cawangan Kuala Lumpur, Tengku Datuk Asra Jehan Tengku Azlan berkata, ini adalah tanggungjawab bersama untuk melindungi kanak-kanak dan ia boleh dilakukan melalui peningkatan kesedaran, pendidikan dan kesediaan orang dewasa untuk mengenal pasti tanda-tanda amaran serta bertindak sebelum seseorang kanak-kanak menjadi mangsa atau terdedah kepada risiko.

"Perlindungan kanak-kanak tidak seharusnya dilihat sebagai satu bentuk kebajikan tetapi sebagai komitmen terhadap pembinaan negara kerana masa depan negara bergantung kepada usaha untuk memastikan mereka berpeluang membesar dalam keadaan selamat.

"Kempen ini juga adalah satu seruan kepada sektor awam, swasta dan komuniti untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam usaha perlindungan kanak-kanak selain memperluaskan jangkauan pendidikan keselamatan kanak-kanak, advokasi serta program pencegahan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran kempen kesedaran tersebut di sini kelmarin.

Majlis pelancaran tersebut turut menyaksikan gimik pelancaran simbolik melalui pelepasan empat belon yang mewakili empat teras kempen, iaitu Protect (Lindungi), Empower (Memperkasa), Educate (Didik) dan Report (Lapor).

Ia juga menjadi peringatan bahawa usaha melindungi kanak-kanak memerlukan kesedaran, tindakan dan tanggungjawab bersama.



MENTERI Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun (dua dari kiri) menyampaikan anugerah kepada OE Resort dalam satu majlis baru-baru ini.

OE Resort terima anugerah daripada MB Negeri Sembilan

PETALING JAYA – OE Resort, sebuah destinasi pelancongan terkenal dan fokus kepada penganjuran *team building*, telah menerima Anugerah Jenama Cemerlang Negeri Sembilan 2026 baru-baru ini.

Anugerah tersebut adalah pengiktirafan yang diberikan kepada resort tersebut kerana sumbangannya dalam pembangunan organisasi pasukan korporat.

Pengasas OE Group, Datuk Wira Dr. Calvin Khiu berkata, sejak ditubuhkan, resort itu telah memberi tumpuan kepada pelbagai syarikat untuk menangani cabaran dalam memperkasa modal insan dan mengukuhkan motivasi dalam kalangan para pekerja tidak kira syarikat korporat, agensi kerajaan serta perusahaan kecil dan sederhana.

Ia juga memberi tumpuan kepada syarikat menangani cabaran seperti kekurangan semangat berpasukan, penurunan produktiviti, masalah komunikasi antara jabatan, pembangunan kepimpinan dan pembinaan budaya organisasi yang kukuh.

"Ramai menganggap program team building hanyalah aktiviti riadah atetapi bagi syarikat yang berjaya, *team building* adalah salah satu komponen penting dalam pembangunan organisasi," katanya dalam kenyataan.

Sebagai sebuah destinasi resort *team building* nombor satu di Malaysia, OE Resort bukan sekadar menyediakan lokasi dan kemudahan, malah menawarkan penyelesaian pembangunan organisasi yang menyeluruh.

Sehingga kini, syarikat ternama seperti KPMG, Maybank, Maxis, Zurich, Perkeso, U Mobile dan Lenovo telah memilih OE Resort sebagai lokasi program pembangunan pasukan dan latihan.

"Siapa yang memiliki pasukan yang lebih kuat, budaya kerja yang lebih sihat dan tahap pelaksanaan yang lebih tinggi, akan mempunyai kelebihan membina masa depan lebih kukuh," katanya.

Festival di Baling jangka tarik lebih 60,000 pelancong



PETALING JAYA – Daerah Baling, Kedah akan menjadi tumpuan peminat sukan, pengembaraan, persembahan muzik, pelancongan komuniti selama empat hari bermula 29 Julai ini melalui penganjuran Baling Escapade Festival (BEF 2026) dengan jangkaan mampu menarik lebih daripada 60,000 orang dari seluruh negara.

Program bertemakan Escape. Explore. Experience Baling (BEF 2026) yang dianjurkan oleh Raydiates Blue Sdn. Bhd bakal menghimpunkan pelbagai elemen pelancongan, budaya, gastronomi, komuniti dan sukan pengembaraan dalam satu festival berskala besar.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan pihak penganjur, ini adalah salah satu usaha syarikat untuk memperkenalkan Baling sebagai antara lokasi pelancongan luar bandar paling menarik di Malaysia kerana ia cukup terkenal dengan panorama Gunung Baling, Gunung Pulai, sungai semula jadi, kawasan rekreasi dan warisan budaya.

"Antara program yang bakal menjadi tumpuan adalah The Cultural Jam @ Baling iaitu sebuah platform budaya dan warisan yang mengetengahkan kepelbagaian seni, muzik, persembahan tradisional, kraftangan, budaya rakyat serta pengalaman warisan yang unik dari Kedah dan Nusantara," katanya.

Selain itu, festival tersebut menampilkan Baling Food & Gastronomy Experience melalui Anjung Malaysiaku Foodie Fiesta yang akan menghimpunkan lebih 100 gerai niaga makanan, minuman dan produk daripada usahawan tempatan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pengusaha makanan warisan, vendor gaya hidup serta pelbagai jenama yang ingin memanfaatkan platform festival ini.